

Dr M ingatkan Melayu perlu belajar bersaing

19 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan orang Melayu supaya bersedia melengkapkan diri dengan segala kemampuan dan tidak lagi berselindung di sebalik hak keistimewaan semata-mata.

Presiden Umno berkata, orang Melayu hendaklah belajar bersaing dengan bangsa lain tanpa mengharapkan kepada Perlembagaan negara kerana hak istimewa Melayu bukanlah satu jaminan sekiranya bangsa lemah.

Dr Mahathir berkata, sekiranya hak istimewa itu dihapuskan, pastinya bangsa Melayu tidak akan mempunyai peluang untuk mempertahankan diri sekiranya tidak membuat sebarang persediaan.

Teguran itu adalah antara pandangan yang dibuatnya pada Majlis Amanat Presiden hari ini, sempena Perhimpunan Agung Umno yang akan bermula esok.

Seorang perwakilan yang mengikuti majlis tertutup itu berkata, amanat Dr Mahathir dilihat sebagai satu pandangan 'terbuka' yang dapat menginsafkan bangsa Melayu, yang sering bergantung kepada hak yang sedia ada.

"Dr Mahathir menyebut perkara ini bagi menyedarkan Melayu yang kita tidak boleh bergantung kepada Perlembagaan semata-mata, kerana ia hanyalah satu kertas yang boleh diubah.

"Beliau juga menyebut bahawa tidak mustahil jika benteng Melayu yang ada sekarang, yakni hak istimewa itu, boleh dirobahkan oleh bangsa lain. Jika ini terjadi, apa akan berlaku kepada bangsa kita?" kata perwakilan itu.

Beliau berkata, Perdana Menteri turut menyentuh mengenai kesan globalisasi kepada negara ini, yang mana kesannya hanya memberi keuntungan kepada pihak yang penciptanya iaitu Barat.

Perwakilan itu berkata, Dr Mahathir meminta orang Melayu belajar daripada kesilapan dan pembangunan yang dikecapi negara lain terutama Korea Selatan yang berjaya bebas daripada cengkaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Beliau juga ada mencecitkan bagaimana sesebuah negara kaya boleh jadi miskin, dan sebaliknya, sebuah negara miskin boleh menjadi kaya.

"Perkara ini perlu direnung oleh semua kerana orang Melayu hendaklah berusaha mengekalkan segala apa yang kita ada sekarang," katanya.

Seorang perwakilan Wanita pula menyatakan amanat Dr Mahathir yang diucapkan secara bersaja itu mampu membuka mata generasi muda untuk meneruskan perjuangan Melayu dalam mengekalkan kemajuan bangsa.

"Kita tidak boleh lagi alpa dengan hak bangsa yang ada kerana bangsa lain, seperti yang diucapkan Dr Mahathir, kini kian mendesak. Tidak mustahil sekiranya satu hari nanti, mereka dapat apa yang mereka inginkan.

"Inilah yang cuba disedarkan Perdana Menteri, iaitu Melayu tidak boleh bergantung kepada perlindungan yang biasa kita dapat di negara kita, tetapi perlindungan kekal adalah kebolehan yang ada pada diri kita," katanya.